

PM cabar Razaleigh

BH 17 AUG 1990

beritahu Pas

(M)

SHAH ALAM, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencabar Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah supaya memberitahu Pas mengenai kesediaannya melantik pemimpin DAP sebagai timbalan kedua Perdana Menteri.

Perdana Menteri berkata, jika Pas juga bersetuju dengan cadangan Tengku Razaleigh itu, beliau sendiri akan bertanya Timbalan Yang Dipertua Pas, Haji Hadi Awang sama ada beliau bersetuju atau tidak untuk menerima orang Cina sebagai Timbalan Perdana Menteri.

"Itu hak Tengku Razaleigh untuk bercakap atau membuat

apa saja. Tetapi kalau Pas turut bersetuju dengan kesediaan beliau melantik orang Cina sebagai Timbalan Perdana Menteri kedua, saya hendak tanya Haji Hadi pula sama ada beliau bersetuju atau tidak," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas wawancara Tengku Razaleigh dengan akhbar Cina baru-baru ini, yang antara lain menyatakan bahawa beliau akan melantik seorang timbalan kedua Perdana Menteri di kalangan orang Cina daripada DAP.

Dalam wawancara yang menyentuh rancangan Tengku Razaleigh jika parti pembangkang berkuasa selepas pi-

lihanraya umum akan datang, Presiden Semangat 46 itu menyatakan tidak puas hatinya dengan dasar pendidikan sekarang dan berjanji akan menubuhkan sekolah menengah Cina dan Tamil.

"Dia (Tengku Razaleigh) cakap dengan orang Cina lain dan dengan ahli Pas lain. Beritahu lah Pas mengenai rancangannya itu. Kalau Pas setuju, saya hendak tanya Haji Hadi sama ada dia sendiri bersetuju atau tidak," katanya.

Menjawab soalan lain, beliau berkata, kerajaan belum mendapat kesan sebenar kenaikan harga runcit petroleum yang selaras dengan kenaikan harga bahan berkenaan di pasaran dunia berikutan krisis di Teluk.